



EDISI

MAIS

www.mais.gov.my

TOLERANSI RAYA PELBAGAI MASYARAKAT MAJMUK



Liberalisasi
Perayaan
Valentines Day

Ms 5

Maruku
& Kuih Bulan:
Halal dan Sihat?

Ms 8

Proses
Bertaubat

Ms 9

Kata-Kata Hikmah

Kekalkan nilai-nilai perpaduan dalam masyarakat pelbagai kaum dan budaya, jadikan perayaan suatu sambutan untuk memperkuatkkan perpaduan dan keharmonian di kalangan kita semua.

Dr. Che Mad

Zakat Akaun
3 KWSP


Ms 17





PENGURUSAN PENDAFTARAN PENGISLAMAN DI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

41 PUSAT PENDAFTARAN PENGISLAMAN



BAHAGIAN PENDAFTARAN MUALLAF & PEMBANGUNAN PIBK

Tingkat 2, Komplek MAIS Klang, Jalan Meru Off Jalan Kapar, 41050 Klang, Selangor | No. Tel: **03-3361 4009 / 4111**



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgovmy

www.mais.gov.my



Sidang Editorial
EDISI

KETUA PENGARANG
Noormala binti Mohd Sa'ad

PENGARANG
Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR
Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF
Norzaili bin Taib

KOLUMNIS
Hamizul bin Abdul Hamid
Dr. Halim bin Mokhtar
Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Hasal bin Senin
Shahrul Effendy bin Md Saat
Maryam binti Md Zin
Mohamad Shukry bin Sulaiman
Mohammad Salleh bin Abdul Saha
Muhamad Rafee bin Rahman
Muhammad Hafiz bin Bahari

Dengan Kerjasama:



PERBANDARAN KUALA LUMPUR





TOLERANSI RAYA PELBAGAI MASYARAKAT MAJMUK



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Dalam negara yang majmuk seperti Malaysia, kita tidak dapat memisahkan diri daripada pelbagai perayaan. Ada yang berpandangan, tidak salah merayakan semua jenis perayaan. Namun ada yang menyatakan, haram secara tuntas. Perbezaan pola pandangan ini, menjadikan rakyat keliru. Apatah lagi bagi generasi muda.

Asasnya, Islam adalah agama toleransi. Bukti ini, Allah SWT tidak memaksa semua orang memeluk agama Islam. Rujuk firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 256. Dengan toleransi inilah, maka sejarah membuktikan bahawa masyarakat non muslim boleh hidup dengan rukun dan damai dalam negara Islam, ataupun negara majoriti Muslim. Sesuatu yang kadang-kala sukar berlaku, apabila minoriti Muslim yang tinggal di negara non muslim.

Berdasarkan itu, maka kepelbagaiannya tidak dapat dielakkan. Namun begitu, kita hendaklah ingat bahawa Allah SWT hanya mengiktiraf Islam sebagai jalan hidup, manakala semua agama lain adalah ditolak oleh Allah SWT. Rujuklah firman Allah SWT di dalam surah Ali Imran, ayat 19.

Melihat dua perkara ini, adakah menyebabkan kita kembali merenung, sejauh manakah Islam bertoleransi dengan semua agama di dunia? Adakah tanpa batasan atau batasannya ketat

sekali? Saya teringat kata seorang pemidato, jika memilih Islam maka bersiaplah untuk mematuhi segala ketetapannya. Bermakna, pasti ada limitasinya.

Dalam hal ini, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melihat, umat Islam di Selangor hendaklah mempunyai kefahaman yang jelas mengenai isu kepelbagaiannya agama ini. Benar, kita tidak boleh memaksa orang lain memeluk Islam; namun nyata sekali apabila kita sudah memeluk Islam, maka kita hendaklah memahami garisan sempadan yang Islam ajarkan. Ibarat kita masuk ke negara asing, tidak ada paksaan kita memasukinya; namun sekali kaki kita berada di dalam negara itu, seluruh peraturan negara berkenaan terpakai di sisi kita.

Larangan ini bukanlah bermaksud menyekat kebebasan. Namun ia demi menyelamatkan dan menyerlahkan perbezaan. Umat Islam yang taat itu, terzahir ketakwaannya. Ia tidak sama dengan non muslim. Kelak di akhirat, kita dapat melihat cahaya di wajahnya. Ingatlah, cahaya iman itu bermula di dunia.

Marilah kita sama-sama menelusuri isu ini dengan lebih cermat. Islam bukan sekadar di Kad Pengenalan, tetapi terzahir pada pengamalan. Insya-Allah, Edisi MAIS kali ini akan cuba mengupas dengan saksama isu-isu berkaitan toleransi raya pelbagai masyarakat majmuk ini. Semoga ia dapat dijadikan panduan dalam kehidupan. Selamat membaca! **Edisi**

MERAIKAN PERAYAAN YANG PELBAGAI: INI TIPSNYA



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Memeluk Islam bermakna menukar akidah atau kepercayaan dalam ketuhanan hanya kepada Allah SWT. Tidak ada Tuhan yang berbilang-bilang. Tidak ada juga Tuhan yang berkongsi kekuasaan. *Solid*, hanya Allah SWT segala-galanya.

Namun begitu, memeluk Islam bukan bermakna keluar dari bangsa dan budaya. Jika seorang itu asalnya berketurunan Cina, memeluk Islam bukan bererti dia keluar dari bangsa dan budaya Cina. Jika dia seorang Cina, India atau bangsa apa pun, maka kekallah dengan budayanya, selagi mana, budaya dan cara hidup itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Ketika orang-orang Cina di Tanah Besar China memeluk Islam, ribuan tahun silam lebih awal dari Tanah Melayu, mereka menukar akidahnya bukan budayanya. Makan dengan kayu penyeprit misalnya, itu budaya. Namun berjudi dan minum arak, dek kerana bertentangan dengan Syariat Islam, maka ia dihentikan.

Demikianlah juga dengan perayaan yang disambut oleh kaum Cina, India, Orang Asal, Iban, Kadazan, Dusun, Dayak dan sebagainya. Asas kepada boleh ataupun tidak perayaan itu disambut, adalah dengan melihat apakah ia bertepatan atau bercanggah dengan Syariat Islam.

Berikut adalah antara tips yang wajib dipatuhi¹:

01

Majlis tidak disertakan dengan sebarang upacara yang bertentangan dengan akidah Islam (melibatkan penyembahan Tuhan atau dewi-dewi misalnya).

02

Majlis tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan Syarak (minum arak misalnya)

03

Majlis tidak disertakan dengan ‘perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam’ (percampuran jantina bukan mahram tanpa batas misalnya).

04

Majlis tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh ‘menyentuh sensitiviti masyarakat Islam’ (misalnya mempermainkan Allah SWT dengan melukis rupa-Nya).

Di Selangor, dengan kewujudan Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS), maka semua keraguan mengenai perayaan agama-agama lain boleh diajukan terus dengan menghubungi talian **03-5514 3739** untuk penjelasan lanjut. Wallahu’lam. **Edisi**

1. Rujuk: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/1829-bayan-linnas-siri-48-hukum-menyambut-tahun-baru-cina>

LIBERALISASI PERAYAAN VALENTINES DAY



Oleh: Dr. Halim bin Mokhtar (halim@uis.edu.my)

Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

Liberalisasi merupakan sesuatu proses membebaskan diri, berfikiran terbuka dan tidak terkongkong kepada satu aliran pemikiran. Manakala Islam Liberal merujuk kepada aliran yang memiliki ciri keterbukaan dan kebebasan melangkaui syariat Islam. Aliran ini bersandarkan falsafah kebebasan mutlak iaitu individualisme, rasionalisme, menggunakan maqasid aqliyyah dalam menafsir agama, mentafsir semula al-Qur'an dan memperjuangkan Pluralisme bagi menyamatarafkan dan mengiktiraf kebenaran agama-agama lain sama seperti Islam.

Sambutan perayaan *Valentines Day* atau Hari Kekasih pada tanggal 14 Februari setiap tahun di seluruh dunia untuk pasangan kekasih meraih kasih dan cinta. Generasi muda Islam yang bercinta juga tidak terlepas untuk menyambutnya dengan alasan Islam menganjurkan umatnya berkasih sayang dan tiada salahnya jika ianya menuju kepada kebaikan. Inilah permulaan virus liberalisasi di kalangan generasi muda iaitu keterbukaan yang merosakkan dan ikutan tanpa ilmu. Justeru Islam dengan jelas telah menetapkan bahawa larangan menyambut perayaan Valentines day berdasarkan perkara berikut:

1. Menyerupai Amalan Agama Lain. Ia adalah perayaan yang bersumberkan upacara keagamaan Kristian yang dikaitkan dengan Saint Valentine simbol bagi penganut Kristian. Jelas Islam melarang umatnya meniru atau menyerupai cara serta budaya hidup orang bukan Islam termasuklah mana-mana perayaan yang boleh merosakkan aqidah. Hadith Rasulullah SAW: "Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia termasuk dalam kaum tersebut." (Riwayat Abu Daud)

2. Mendorong Kemungkaran. Perayaan ini menjurus kepada melakukan aktiviti tidak bermoral yang dilarang oleh Islam seperti pergaulan bebas yang boleh mengundang kemaksiatan dan perzinaan. Firman Allah yang bermaksud: "Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat" (QS al-Isra': 32)

3. Ketetapan Fatwa. Mesyuarat Jawatankuasa fatwa Negeri Selangor Bil. 1/2006 telah memutuskan bahawa: Amalan merayakan perayaan *Valentines Day* tidak pernah dianjurkan oleh Islam. Perayaan tersebut mempunyai unsur-unsur Kristian dan amalan yang bercampur dengan maksiat adalah bercanggah dan dilarang oleh Islam. Orang Islam yang bertindak dengan cara menghina, mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah dan arahan Mufti yang dinyatakan atau yang dibenarkan fatwa ini, boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah (negeri Selangor) tahun 1995.

Oleh yang demikian, sambut perayaan ini adalah dilarang di dalam Islam sekiranya tidak dibendung akan merosakkan generasi muda Islam. Pelbagai pendekatan, usaha dakwah yang strategik boleh dilakukan oleh agensi-agensi agama serta pendakwah di peringkat individu, keluarga dan masyarakat bagi menghalang perayaan ini disambut di antaranya :

✓ Memperkasa Ilmu Agama di Kalangan Generasi Muda.

Ianya boleh dilaksanakan dengan menghadiri siri pengajian seperti kuliah, ceramah, seminar dan sebagainya secara bersemuka atau melalui MEDSOS yang terpilih keabsahannya dalam membicarakan topik sambutan ini. Melayari laman web yang dapat memberikan informasi yang sahih seperti laman web Majlis Agama Islam Selangor atau pihak agensi agama yang berautoriti.

✓ Memperkasa Peranan Keluarga dan Komuniti.

Sikap cakna dan prihatin terhadap perkembangan budaya hidup generasi muda perlu diambil perhatian. Kesongsongan budaya yang bercanggah dengan Islam perlu dihalang dan ditegur. Konsep saling mengingatkan antara satu sama lain tentang bahayanya sambutan ini perlu di perhebatkan. Pihak Masjid dan Surau berperanan menjemput para pendakwah yang bertauliah untuk menjelaskan isu ini di kalangan ahli kariah.

✓ Memperkasa Peranan Pihak Berkuastra.

Penguatkuasaan mestilah dilakukan dengan tegas terhadap pelaku aktiviti ini. Virus yang mesti dibendung sebelum merebak. Tindakan menyekat dan menyaring media massa dan media sosial yang boleh menggugat aqidah dan pemikiran umat Islam perlu dilaksanakan untuk menjadi benteng kepada generasi muda Islam.

Kesimpulannya sambutan perayaan *Valentines Day* tidak harus dipandang ringan atau diberi ruang dalam kehidupan generasi muda. Bermula daripada individu, keluarga, masyarakat dan negara perlu bertanggungjawab menghalang sambutan perayaan ini yang boleh merosakkan aqidah dan akhlak. Cabaran semakin terbuka dan bersedia dengan terjahan langit terbuka serta dunia 5G di hujung jari. #Bangkit Generasi Muda, Say no to Valentines day!!! Edisi

SAY NO!
TO VALENTINES DAY

HUKUM MERAYAKAN PERAYAAN LAIN



Oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS



Malaysia adalah sebuah negara berbilang bangsa dan agama, sebagai negara yang mempunyai rakyat yang berbilang bangsa faktor keharmonian perlu dijaga dan dipupuk setiap masa. Secara umum, konflik boleh berlaku bila-bila masa, namun kita perlu menyedari kewujudan pemangkin, pendorong atau faktor tertentu yang mungkin boleh membawa kepada tercetusnya sesuatu konflik. Antara faktor konflik yang sudah diteliti oleh sarjana adalah faktor ideologi, agama dan budaya.

Kepelbagaiannya agama yang wujud dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang boleh mencetuskan konflik, antaranya ialah perbezaan pegangan ajaran agama, sikap pengikut agama yang bertindak di luar batasan yang digarisukkan agama dan undang-undang negara serta salah faham antara agama atau dalam kalangan agama yang sama.

Dalam konteks ini, punca konflik antara agama, dapat dilihat bahawa ia kerap berlaku dalam kalangan orang yang tidak memahami agama dengan baik. Adalah sangat penting bagi kita sebagai masyarakat mengetahui dan memahami secara jelas jenis-jenis ritual agama dan budaya lain selain Islam. Dengan memahami faktor berlakunya konflik, ia dapat menjadikan kita masyarakat yang saling hormat menghormati dan saling bertoleransi di antara masyarakat.

Dalam Surah Al Kafirun, Ayat 1-6, Allah SWT memberikan panduan yang jelas bahawa semua masyarakat hendaklah saling menghormati di antara satu sama lain dan tidak boleh memaksa orang lain untuk menyertai acara agamanya, walaupun dengan seruan untuk perpaduan, toleransi dan sebagainya. Langkah terbaik adalah untuk memahami batas agama masing-masing dan tidak memaksa orang lain untuk melakukan sebarang aktiviti yang bertentangan syariat.

Meraikan sambutan agama lain bukanlah dari budaya Islam, namun ia tidak salah selagi mana tidak melanggar batas-batas yang ditetapkan syarak. Sambutan tersebut sudah pasti bukan menyamai atau menyaingi perayaan yang disyariatkan Islam kerana yang disyariatkan hanyalah Aidilfitri dan Aidiladha sahaja. Tetapi apabila ada keperluan dan faedah yang lebih besar untuk umat Islam, mengambil apa yang baik daripada amalan orang bukan Islam boleh dibenarkan apabila ia menepati syarak dan tidak mengandungi syiar atau mengandungi ritual agama orang kafir atau amalan khusus mereka.

Sebagai contoh, sambutan Tahun Baru Cina yang dilaksanakan setiap tahun adalah suatu perayaan budaya dan bukan festival berdasarkan ritual keagamaan. Oleh itu, bolehkah umat Islam merayakan Tahun Baru Cina tersebut? Jawapan ringkasnya adalah: "Ya". Islam bukanlah suatu kepercayaan yang terbatas pada satu entiti budaya sahaja, ia sesuai untuk seluruh umat manusia menjangkaui masa, tempat dan etnik.

Satu lagi contoh lain iaitu Hari Kekasih (Valentine's Day) adalah upacara keagamaan bukan Islam iaitu mengenang kembali peristiwa kematian St. Valentine. Sambutan Hari Valentine biasanya diikuti dengan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan syarak seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang kemudian menjurus kepada penzinaan. Ini jelas melanggar syariat Islam, merujuk kepada Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil.1/2006 pada 21 Februari 2006:

Hukum Orang Islam Menyambut Perayaan Valentine's Day: Merayakan Perayaan Ini Tidak Pernah Dianjurkan Oleh Islam. Perayaan Tersebut Mempunyai Unsur-Unsur Kristian Dan Amalan Yang Bercampur Dengan Perbuatan Maksiat Adalah Bercanggah Dan Dilarang Oleh Islam.

Orang Islam yang bertindak dengan cara menghina, mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan mufti yang dinyatakan atau dibenarkan melalui sesuatu fatwa boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 12, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) tahun 1995.

Secara keseluruhan, matlamat Islam bukanlah untuk menghapuskan amalan budaya, sebaliknya ia bertujuan untuk mengenal pasti dan menolak amalan yang tidak dibenarkan atau tidak mematuhi ajaran Islam, seperti amalan ritual yang berkaitan dengan agama lain. Umat Islam mesti memahami dengan jelas amalan tertentu, sama ada ia merupakan upacara keagamaan atau sebahagian daripada budaya bangsa tertentu.

Bagi mereka yang beragama Islam, adalah dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti yang berkaitan dengan adat budaya kumpulan etnik atau kaum tertentu, asalkan ia tidak bercanggah dengan undang-undang Islam. Walau bagaimanapun, adalah dilarang bagi umat Islam untuk terlibat dalam apa-apa perkara atau aktiviti yang berkaitan dengan upacara keagamaan. Walluhua'lam. **Edisi**



BOLEH KE NON MUSLIM BERWAKAF?



Oleh: Encik Muhammad Hafiz bin Bahari (hafizbahari@wakafselangor.gov.my)
Pengurus Bahagian Korporat, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)

Wakaf dari segi bahasa bermaksud “الجنس” iaitu menahan. Dari segi istilah syara’, wakaf bermaksud menahan sesuatu harta yang tidak berkurang fizikalnya serta boleh digunakan dan diambil manfaat darinya dengan cara menyerahkan hak miliknya kepada seorang pengguna yang wujud dan harus menggunakannya.¹

Amalan mewakafkan harta merupakan satu amalan mulia yang sangat digalakkan dalam Islam. Wakaf termasuk salah satu daripada bentuk sedekah jariah yang berkekalan ganjarannya walaupun selepas kematian seseorang itu. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

Maksudnya: *“Apabila seseorang itu meninggal dunia, terputuslah amalan daripadanya melainkan tiga perkara; iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat baginya dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya.”*²

Sedekah jariah yang disebutkan di dalam hadis di atas merujuk kepada wakaf kerana ia memberi manfaat yang berterusan kepada orang ramai, sedangkan sedekah biasa yang lain kebanyakannya hanya terhad manfaatnya kepada individu tertentu yang menerima sedekah sahaja.

NON MUSLIM BERWAKAF?

Hukum menerima harta wakaf daripada Non Muslim adalah **dibolehkan dan sah penerimaan tersebut**. Hal ini termasuklah wakaf yang diberikan kepada masjid-masjid walaupun perbuatan tersebut bukan berniat mendekatkan diri (taqarrub) kepada Allah SWT.³

Perkara ini adalah berdasarkan kepada hadis daripada Anas bin Malik R.A, daripada Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: *“Allah tidak akan mengabaikan kebaikan seorang mukmin, dia akan diberi ganjaran di dunia dan juga di akhirat. Orang kafir pula akan menerima ganjaran kebaikan yang mereka lakukan kerana Allah semasa di dunia sahaja. Adapun di akhirat kelak, tiada apa-apa habuan dan ganjaran kebaikan untuknya.”*⁴

Berdasarkan kepada hadis di atas, seorang Non Muslim akan mendapat ganjaran di dunia sesuai dengan wakaf atau kebaikan yang dilakukan tersebut. Namun begitu, dia tidak akan beroleh apa-apa kebaikan atau pahala di akhirat kelak.⁵

Dalam kempen indahnya berwakaf yang dilaksanakan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) terdapat juga individu Non Muslim melaksanakan wakaf tunai melalui potongan gaji dan juga beberapa platform dalam talian yang disediakan.

Setiap wakaf tunai yang disalurkan melalui Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), akan dikembangkan melalui pelaburan patuh syariah dan juga akan diagihkan kepada institusi yang memerlukan seperti sekolah, surau, masjid, hospital, klinik kesihatan, rumah anak yatim dan lain-lain lagi dalam bentuk wakaf fisabilillah bagi tujuan bantuan berupa aset kekal bagi jangka hayat melebihi 5 tahun.

Mengambil contoh mewakafkan harta yang boleh dimanfaatkan oleh semua tanpa mengira agama seperti mewakafkan tempat untuk proses pembelajaran, mewakafkan mesin hemodialisis, tempat berteduh dan lain-lain, maka ia merupakan suatu yang baik untuk dilakukan, dan secara tidak langsung masyarakat Non Muslim menarik minat untuk berwakaf.

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) adalah agensi di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah diamanahkan untuk menguruskan hal ehwal wakaf di dalam negeri Selangor ini. Pada **30 Oktober 2009**, DYMM Sultan Selangor menitahkan MAIS menuahkan PWS supaya pengurusan wakaf di Selangor dapat diperkasakan seperti pengurusan zakat. Mesyuarat MAIS Bil. 3/2010 yang bersidang pada 29 Jun 2010 bersetuju menuahkan PWS di bawah peruntukan Seksyen 8, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. **Edisi**

1. Rujuk *Mughni al-Muhtaj* (2/376)
2. Riwayat Muslim (1631)
3. Rujuk *Hasyiah al-Bajuri*, (2/80)
4. Riwayat Muslim (2808)
5. Rujuk *al-Fiqh al-Manhaji*, (3/183)



**BERWAKAF
SECARA BULANAN KINI
LEBIH MUDAH MELALUI
*DIRECT DEBIT***



<https://infaqpay.my/go/wakafselangor>

Pengguna akan menerima status **BERJAYA** melalui e-mel.

Potongan akan dibuat setiap 2-5hb atau 22-26hb setiap bulan.

Pewakaf akan menerima notifikasi transaksi berjaya melalui e-mel.

NOTA:
Resit Rasmii Sumbangan Wakaf tahun semasa akan diproses pada sukuan pertama tahun berikutnya. Pewakaf perlu mengemasuki alamat surat-menyerah terkini sebelum tahun berakhir bagi tujuan pengeposan resit rasmii tersebut.


wakafselangor

KUIH MURUKU DAN KUIH BULAN: NIKMAT HALAL YANG MENYIHKATKAN



Oleh: **Ustazah Maryam binti Md Zin** (maryam@jais.gov.my)

Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JAIS

Kuih muruku dan kuih bulan, dua hidangan tradisional yang sering kita nikmati, terutama pada perayaan tertentu. Namun, tahukah anda bahawa kedua-dua kuih ini bukan sahaja lazat, tetapi juga boleh menjadi pilihan makanan yang halal dan sihat?

Kuih muruku, dengan rangupnya yang unik sering kali dikaitkan dengan perayaan Deepavali. Walaupun begitu, kuih ini semakin popular dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. Bahan-bahan utama muruku seperti tepung beras, kacang hitam dan rempah ratus secara umumnya halal dan bebas daripada bahan-bahan terlarang. Selain itu, muruku juga kaya dengan protein dan serat dari kacang-kacangan; yang penting untuk kesihatan tubuh.

Kuih bulan, simbol perayaan Tahun Baru Cina juga mempunyai potensi untuk menjadi makanan yang sihat. Kulit kuih bulan yang dibuat daripada tepung gandum atau tepung beras boleh dijadikan lebih berkhasiat dengan menambahkan biji-bijian seperti biji chia atau biji labu. Sementara itu, inti kuih bulan boleh diganti dengan pilihan yang lebih sihat seperti kacang merah, biji teratai atau buah-buahan kering.

TIPS MEMILIH KUIH MURUKU DAN KUIH BULAN

01

Sentiasa periksa label kandungan sebelum membeli untuk memastikan produk tersebut halal dan menyihatkhan. Bagi memastikan produk tersebut halal, anda boleh melayari laman web myehalal.halal.gov.my atau muat turun aplikasi Smart Halal di telefon bimbit anda.

02

Pilih kuih yang dibuat dengan bahan-bahan semula jadi seperti tepung beras, kacang-kacangan dan buah-buahan kering.

03

Pilih kuih yang kurang manis dan berminyak untuk mengelakkan pengambilan kalori yang berlebihan.

04

Membuat kuih muruku dan kuih bulan sendiri membolehkan anda mengawal kandungan bahan-bahan dan memastikan ia sesuai dengan citarasa dan keperluan pemakanan anda.

Kesimpulannya, kuih muruku dan kuih bulan tidak hanya menjadi sebahagian daripada warisan kulinari, tetapi juga dapat menjadi pilihan yang sihat dan halal. Dengan memilih bahan-bahan semula jadi, mengurangkan penggunaan gula dan minyak serta memastikan proses pembuatan yang bersih, kita dapat menikmati kedua-dua kudapan ini tanpa merasa bersalah. Kehalalannya memberikan ketenangan bagi umat Islam, sementara kandungan nutrisinya mendukung gaya hidup sihat. **Edisi**



PROSES BERTAUBAT



Oleh: Mohamad Shukry bin Sulaiman (shukry@muftiselangor.gov.my)
Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor

Perosoalan akidah bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan kerana ia berkait rapat dengan *maqasid shari'ah* iaitu dalam aspek penjagaan agama (*hifz al-Din*). Gejala kerosakan akidah seperti permohonan tukar agama atau murtad perlu dipandang serius dalam usaha memelihara akidah umat. Kesalahan berkaitan permohonan keluar Islam atau percubaan keluar Islam di Mahkamah Syariah boleh berlaku melalui permohonan tukar agama, permohonan tukar nama Melayu Islam, peminggiran cara hidup Islam oleh saudara baru dan permohonan tukar agama bagi saudara baru. Ini kerana Mahkamah Syariah sahaja yang diberi kuasa untuk menentukan sama ada seseorang itu masih beragama Islam atau sebaliknya.

Dalam menanggani permasalahan keluar Islam ini, Istitabah adalah satu proses untuk memberi peluang bertaubat bagi mereka yang melakukan kesalahan akidah seperti ajaran sesat dan murtad. Pendekatan yang digunakan sama ada melalui proses runding cara akidah. Proses runding cara akidah ini dikendalikan oleh pihak jabatan mufti di peringkat negeri khususnya bagi kesesuaian permohonan keluar Islam.

Ingin ditegaskan bahawa proses Istitabah yang dikendalikan di Jabatan Mufti Selangor ini adalah di bawah bidang kuasa al-Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Manakala Unit Khidmat Nasihat, Jabatan Mufti Selangor mengendalikan runding cara akidah atau penasihat akidah melalui perintah mahkamah selepas pemohon mengemukakan permohonan keluar Islam atau pengesahan status agama di Mahkamah Syariah dalam tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah.

Sebelum keputusan mengisyiharkan seseorang itu bukan lagi orang Islam, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah terlebih dahulu memerintahkan orang itu menjalani program pemurnian akidah mengikut ketetapan pihak berkuasa agama Islam negeri.

Bagi maksud itu, penasihat akidah adalah merujuk kepada proses runding cara, sesi kaunseling, program motivasi, ziarah dan apa-apa juga program lain yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Selangor bertujuan memulihkan akidah Islam. Selepas tempoh pemurnian akidah itu, mahkamah boleh mengeluarkan perintah sama ada orang itu kekal Islam atau sebaliknya.

Dengan sesi penasihat akidah yang dikendalikan oleh panel bertaubat yang dilantik, kepelbagaiannya latarbelakang kepakaran, panel-panel ini berkemampuan melaksanakan tugas membimbing kembali pemohon-pemohon ke jalan yang benar. Sejarah dengan konsep taubat itu sendiri yang perlu berlaku

serentak antara tindakan, penyesalan dan azam untuk tidak mengulanginya lagi di masa akan datang.

Secara ringkasnya, proses taubat adalah seperti berikut:

- i. Perintah Mahkamah
- ii. Sesi Penasihat Akidah 12 sesi dalam tempoh enam (6) bulan
- iii. Laporan kepada Mahkamah
- iv. Mahkamah bersidang
- v. Majlis Istitabah; dan
- vi. Sesi lawatan dan bimbingan Istitabah selama 90 hari yang dikendalikan oleh skuad Istitabah MAIS

Penggunaan modul yang sistematik sepanjang sesi adalah sebagai rujukan membantu pemudahcara memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada individu yang berhasrat untuk menukar agama Islam atau yang telah menukar agama (murtad). Selain itu, modul ini juga bertujuan untuk mengembalikan semula individu tersebut kepada agama Islam dan membantu mengukuhkan semula akidah dan asas-asas agama Islam secara sistematis dan terancang.

Secara umumnya, modul yang digunakan merangkumi 12 modul sepanjang tempoh pemurnian akidah. Walau bagaimanapun, pemudahcara boleh menggunakan budi bicaranya dalam memberi khidmat nasihat dan bimbingan mengikut kesesuaian dan latar belakang pemohon. Modul ini hanya sebagai panduan kepada pemudahcara. Kebiasaannya, proses pemurnian akidah bermula dengan sesi taaruf latar belakang dan sahsiah peribadi pemohon. Pemudahcara akan meneruskan sesi pemurnian akidah dengan modul yang berikutnya berkaitan iman, akidah, ibadat, tasawur Islam dan sehingga selesai sesi. Pendekatan yang digunakan adalah lebih bersifat kaunseling dan memujuk pemohon untuk kekal dalam Islam.

Walaubagaimanapun, hidayah itu adalah milik Allah SWT dan ia sangat subjektif untuk menentukan keberkesanan amalan runding cara ini, namun sekurang-kurangnya proses ini akan membantu pemohon dan membolehkan mereka mempertimbangkan semula hasrat keluar Islam. Keampunan daripada Allah SWT yang membawa kepada penghapusuan

dosa dan pengurniaan syurga adalah antara kejayaan yang akan diperolehi oleh individu yang kembali kepada Islam dan bertaubat kepada Allah SWT. **Edisi**

MASJID AI-AZHAR UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)



Oleh: **Hasal bin Senin (hasal@mais.gov.my)**

Pembantu Eksekutif, Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS

PENGENALAN MASJID AL-AZHAR UIS

- Masjid Al-Azhar UIS, dikategorikan sebagai sebuah 'Masjid Institusi' oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- Milik sepenuhnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang ditubuhkan di bawah akta IPTS 1996.
- Ahli Jawatankuasa dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui peruntukan yang telah ditetapkan seperti masjid-masjid di Negeri Selangor.

SEJARAH PEMBINAAN DAN PERASMIAN

- Masjid Al-Azhar telah dibina pada fasa pertama pembinaan UIS iaitu pada tahun 1998 hingga tahun 2000 dan dibina ditengah-tengah kawasan UIS yang berkeluasan 104 ekar.
- Masjid ini dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj. Sultan Selangor yang ke 9 pada 25 Mei 2002.
- Masjid ini mampu memuatkan lebih kurang 3,000 jemaah dalam satu-satu masa.



SENI BINA MASJID AL-AZHAR

- Senibina masjid ini menjadikan binaan pada zaman kegembilangan Islam pada kesultanan Uthmaniah sebagai contoh. Pada zaman kesultanan Uthmaniah, masjid mempunyai kubah masjid yang besar, mempunyai menara dan mempunyai ruang legar yang luas. Masjid pada kesultanan Uthmaniah juga mempunyai tiang-tiang yang tinggi, jalur-jalur kecil di antara saf-saf dan syiling yang jauh lebih tinggi dari kawasan lantai. Begitu juga senibina yang terdapat di Masjid Al-Azhar UIS.
- Selain itu juga dimasukkan sekali senibina Moorish dan Arab serta di adun bersesuaian dengan senibina Melayu dan moden.
- Aras bawah Masjid Al-Azhar merupakan ruang solat utama.
- Aras satu merupakan kawasan untuk jemaah wanita menunaikan solat dan melakukan aktiviti yang dikhatusukan untuk jemaah wanita seperti usrah, kuliah muslimat dan sebagainya.
- Dewan solat utama adalah kawasan umum di mana aktiviti pengimaranan seperti kuliah harian, kuliah dhuha bersama Dato' Mufti Selangor dan penceramah jemputan, usrah perdana kakitangan UIS dilaksanakan di ruang solat utama solat.
- Pada waktu solat Jumaat, kedua-dua ruang akan dipenuhi oleh jemaah lelaki untuk menunaikan solat Jumaat.
- Pada waktu pagi ruangan solat utama aras bawah akan dipenuhi dengan sesi tasmiq pelajar-pelajar dari Jabatan Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat FFPI.
- Pada hari Jumaat juga keseluruhan kawasan Masjid Al-Azhar dipenuhi dengan aktiviti pelajar seperti usrah mingguan.

AKTIVITI & PROGRAM MASJID AL-AZHAR

- Kuliah Subuh
- Kuliah Maghrib
- Kuliah Zohor
- Daurah Talaqqi Berkitab
- Usrah Perdana Kakikatangan UIS
- Program / Ceramah Hari Kebesaran Islam
- Gotong Royong Korban
- Program Ihya' Ramadhan Masjid Al-Azhar UIS
- Jemputan khas Ulama' daripada Timur Tengah berkaitan isu-isu semasa
- Forum Perdana

PENUTUP

Harapan kami moga Masjid Al-Azhar akan menjadi pemacu kepada ummah bertaqwah, berilmu dan beriman dan seterusnya pemangkin kepada kekuatan ummah khususnya di Negeri Selangor. Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



MAIS Lancar Kad Hibah

JULAI 2024 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengambil inisiatif dengan melancarkan Kad Hibah sebagai satu pengenalan identiti penghibah yang berdaftar dengan MAIS semasa merasmikan Seminar Hibah: Sayang Jangan Sampai Melayang. [Edisi](#)



MAIS Peruntukan RM19.4 Juta Tangani Masalah Sosial

OGOS 2024 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memperuntukkan sebanyak RM19,487,000.00 dari peruntukan zakat asnaf riqab untuk tahun ini bagi membantu dan membimbing golongan terbabit yang memerlukan bantuan pemulihan, perlindungan, rawatan dan pencegahan selain pelbagai bantuan lain supaya mereka kembali ke pangkal jalan. [Edisi](#)



Pengerusi MAIS Saran Terus Semarakkan Semangat Patriotik

OGOS 2024 – Pengerusi MAIS, YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof menyerahkan bendera Malaysia kepada peserta yang hadir di Program Larian Merdeka MAIS dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam. [Edisi](#)



Program Turun Padang Perkampungan Orang Asli Songkok, Hulu Selangor

OGOS 2024 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Pendaftaran Muallaf dan Pembangunan PIBK dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara (Negeri Selangor), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Sukarelawan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Pesuruhjaya Sumpah menganjurkan Program Turun Padang Perkampungan Orang Asli Songkok. [Edisi](#)

MAIS Dan PNSB Kongsi Pengalaman Pembangunan Hartanah Di Negeri Selangor

SEPTEMBER 2024 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengadakan kunjungan hormat ke Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) bagi membincangkan perkembangan terkini serta peluang yang boleh dibina bersama di antara MAIS dan PNSB. [Edisi](#)



MAIS Buka Klinik Guaman Syarie

SEPTEMBER 2024 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Undang-Undang Syariah membuka kaunter Klinik Guaman Syarie MAIS sempena Program International Conference On Family Law, The Empowerment Of Child Maintenance 2024. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Mufti Negeri Selangor



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



Sumber : Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor



Munaqasyah Fiqh Falak Peringkat Kebangsaan Tahun 2024

JULAI 2024 - Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Munaqasyah Fiqh Falak Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 pada 30 – 31 Julai 2024 bersamaan 24 – 25 Muharram 1446H bertempat di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam. [Edisi](#)



Irsyad Falak & Majlis Perasmian Penutup Bulan Falak Peringkat Negeri Selangor

OGOS 2024 - Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menganjurkan Majlis Perasmian Penutup Bulan Falak Peringkat Negeri Selangor pada hari Isnin, 5 Ogos 2024 bersamaan 30 Muharram 1446H bertempat di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Shah Alam. [Edisi](#)



Seminar Konsep Dakwah Jalanan Kepada Orang Bukan Islam

JULAI 2024 - Satu forum dengan nama Seminar Konsep Dakwah Jalanan kepada Orang Bukan Islam telah diadakan bertempat di Dewan Muktamar, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. [Edisi](#)



JAKESS Anjur Makan Malam Bersempena Persidangan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Kali Ke-19

OGOS 2024 - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor telah menganjurkan Majlis Makan Malam bersempena Persidangan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Kali Ke-19 Tahun 2024 bertempat di Grand Dorsett Hotel. [Edisi](#)

Lawatan Penandaaraan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JPSS

JULAI 2024 - Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) telah melaksanakan lawatan penandaaraan bagi pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS). [Edisi](#)



Pra Mesyuarat Timbalan Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia

OGOS 2024 - Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor telah dilantik menjadi tuan rumah bagi Pra Mesyuarat Timbalan Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia bagi mesyuarat kali ini. Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Nik Mohd Shahril Irwan Bin Mat Yusof- TKPS I (Terengganu) dan Tuan Mawardi bin Che Man- TKPS I (WPersekutuan) sebagai Timbalan. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Sumber : Perbadanan Wakaf Selangor



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Program Ambang Hijrah Dan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Selangor 1446H

JULAI 2024 - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan menyempurnakan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Selangor 1446H di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. [Edisi](#)



Program Selawat, Munajat Dan Tausiyah Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke 67 Peringkat Negeri Selangor

OGOS 2024 - Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengadakan program Selawat, Munajat dan Tausiyah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Negeri Selangor pada 30 ogos 2024, bertempat di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam. [Edisi](#)



Ayah Berwakaf Di Perbadanan Wakaf Selangor

Jariah Anda PWS Salurkan ke Sekolah Rendah Agama Seri Cheeding

JULAI 2024 - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah menyerahkan sumbangan Wakaf Fisabilillah berjumlah RM 30 Ribu kepada SRA Seri Cheeding, Banting. [Edisi](#)



PWS Serah Agihan Tabung Wakaf Tunai Bernilai RM58,515.50

OGOS 2024 - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah menyerahkan agihan tabung wakaf tunai bernilai RM 58,515.50 di Masjid Raja Haji Fisabilillah, Cyberjaya. [Edisi](#)



Muzakarah Zakat Nusantara 2024

JULAI 2024 - Hari pertama bagi sesi pembentangan mengenai isu Zakat yang melibatkan 5 buah negara, antaranya Malaysia, Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand. [Edisi](#)



LZS, MEDKAD Meterai Kerjasama Mudahkan Proses Bantuan Zakat

OGOS 2024 - Lembaga Zakat Selangor (LZS) memeterai perjanjian kerjasama dengan MEDKAD Sdn. Bhd menerusi inisiatif digital yang bakal mengubah landskap bantuan perubatan LZS, bagi memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan bantuan zakat. [Edisi](#)



Sumber : Universiti Islam Selangor



Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



Sumber : Teraju Ekonomi Asnaf SB TERAS

MOU UIS-PITAS-PERMATA Buka Peluang Sambung Belajar Dan Dapat Tajaan

JULAI 2024 - Universiti Islam Selangor (UIS) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Persatuan Institusi Tahfiz al-Qur'an Negeri Selangor (PITAS) dan Madrasah Tahfiz al-Qur'an Malaysia (PERMATA). [Edisi](#)



7th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2024 Perkasa Golongan OKU

OGOS 2024 - Yang Berhormat Puan Anfaal binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor hari ini merasmikan 7th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2024 bertempat di Universiti Islam Selangor. [Edisi](#)



Program Rintis Kelas Al-Quran & Fardhu Ain Anak-Anak Yatim Negeri Selangor

JULAI 2024 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) menganjurkan Program Rintis Kelas al-Quran dan Fardhu Ain Anak-anak Yatim Negeri Selangor di Masjid Ubudiyah, Seksyen 19, Shah Alam. [Edisi](#)



Bulan Anak Yatim : Alumni Siswa Anak Yatim Diraiakan

SEPTEMBER 2024 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) selaku institusi kebajikan yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bertanggungjawab mengurus, mengawal serta memantau hal ehwal kebajikan anak yatim di negeri Selangor. YIDE telah menghimpunkan SISWA ANAK YATIM untuk diraikan. [Edisi](#)



Lawatan Turun Padang Usahawan Asnaf Di Hulu Selangor

OGOS 2024 - Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) telah mengadakan lawatan turun padang ke daerah Hulu Selangor untuk meninjau perkembangan perniagaan para usahawan asnaf yang menerima bantuan modal dan latihan kursus. [Edisi](#)



TERAS DI MAHA 2024

SEPTEMBER 2024 – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada 11 hingga 22 September 2024. [Edisi](#)



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

(Siri 3/2024)



Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid
(hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamu'laikum wrt. Apa khabar semua? Kaifahalukum Jamian? Pada sesi Bahasa Arab Mudah Siri 3 / 2024 kali ini, kita akan sama-sama mempelajari beberapa kalimah hikmah dalam Bahasa Arab. Ia boleh kita gunakan sehari-hari sebagai basahan dengan di selang-selikan bersama-sama Bahasa Melayu. Misalnya, apabila kita memberikan nasihat kepada anak-anak, teman-teman, murid-murid mahu pun sesiapa sahaja, maka kita boleh menyelitkan kata-kata hikmah yang amat bermakna ini. Jom, sama-sama kita gunakan ya!

Kata hikmah pertama:

الْعِلْمُ بِلَا عَمَلٍ كَالشَّجَرَ بِلَا ثَمَرٍ

Transliterasi: al-ilmu-bi-la-amalin-kas-sya-jari-bi-la-samarin

Ertinya: Ilmu tanpa amalan, bagaikan pohon tidak berbuah.

Contoh situasi: "Wahai anakku, abah gembira melihat kamu rajin belajar siang dan malam. Namun begitu ingatlah, ilmu itu hendaklah diamalkan dalam kehidupan. Tiada gunanya ilmu hanya disimpan kerana ia tidak akan memberi apa-apa kesan. Bak kata pepatah Arab, 'al-ilmu-bi-la-amalin-kas-sya-jari-bi-la-samarin' yang ertinya: Ilmu tanpa amalan, bagaikan pohon yang tidak berbuah."

Kata hikmah kedua:

الاتّحادُ أَسَاسُ النَّجَاحِ

Transliterasi Melayu: al-ltti-haadu-asaasun-na-jaahi

Ertinya: Bersatu adalah pangkal kejayaan.

Contoh situasi: "Sebagai rakyat Malaysia, kita hendaklah hidup dengan Bersatu hati dan menjauahkan segala sifat hasad dengki. Jika Berjaya, maka kita sama-sama Berjaya. Elakkan sifat suka menjatuhkan orang lain. Pokok-pangkal kejayaan dalam apa Sahaja bidang kehidupan ialah bekerjasama dan Bersatu hati. Bak nukilan kata pujangga Arab, 'al-ltti-haadu-asaasun-na-jaahi' yang ertinya: Bersatu adalah pangkal kejayaan."

Kata hikmah ketiga:

مَنْ كَثُرَ إِحْسَانُهُ كَثُرَ إِخْوَانُهُ

Transliterasi: Man-kasura-ihsaanuhu-kasura-ikhwaanuhu

Ertinya: Barang siapa banyak perbuatan baiknya, banyak pulalah temannya.

Contoh situasi: "Kita hidup mesti membawa manfaat bukan mudarat kepada orang lain. Kelak, hidup kita akan menjadi lebih baik. Bak kata pepatah Arab: 'Man-kasura-ihsaanuhu-kasura-ikhwaanuhu', yang ertinya: Barang siapa banyak perbuatan baiknya, banyak pulalah temannya."

Baiklah, semoga apa yang kita pelajari ini dapat memberikan kebaikan kepada kita, amin. **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI EMPAT PULUH SATU)

اوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

"کات مجموع دأيجا سرغكاي"

قد ميغوكو اين کيت ماسيه لاکي ممبينچکن کات مجموع
يیع دأيجا سرغكاي. سلاعین دری چونتوه ۲ يیع تله دبری قد ميغوكو
لفس، تردافت جوک کولوغن کات ترنتتو يیع تله لازيم دأيجا
برچنتوم اتاو سرغكاي. چونتوه معيکوت کولوغن کات ایاله :

ا- کات نام

فريبهاس	فريبيادي
دينیهاری	فریکماءنسیاءن
هولوبالغ	

ii- کات ادجيكتيف

دوکاچيتا	سوکاچيتا
سدیاکالا	دوکالارا

iii- کات سندی نام

درقد	کقد
------	-----

iv- کات هوبوغ

افاکالا	اقابيلا
ماناکالا	تنکالا
ڦداحال	کادغکالا
دریحال	والحال
بارغکالی	

v- کات قان

باکایان	
---------	--



KEJIRANAN YANG MERAIKAN TAHUN BARU CINA & DEEPAVALI



Oleh: **Ustaz Haji Mohammad Salleh bin Haji Abdul Saha** (salleh@mais.gov.my)
Ketua Bahagian Dakwah & Pemasaran, Sektor Baitulmal, MAIS

Kepelbagaiannya bangsa, agama dan bahasa menjadikan Malaysia sebuah negara yang sangat unik. Hidup di dalam sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama menjadikan masyarakat Malaysia sentiasa bertolak ansur serta menghormati antara satu sama lain. Persoalannya jika kita sebagai seorang Muslim menyambut perayaan Tahun Baru Cina dan Deepavali, adakah Islam melarang? Bagaimana pula, jika yang menyambut itu adalah daripada kalangan keluarga mualaf?

Dalam hal ini, sebagai umat Islam kita dituntut untuk memelihara aqidah dengan berlepas diri daripada segala bentuk peribadatan dalam agama lain. Ia berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Al-Kafirun:

Bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu dan bagaimana agamamu".

Menurut Imam Ibn Kathir surah ini merupakan surah yang menjelaskan pelepasan diri daripada amalan yang diamalkan oleh orang musyrikin. Ayat tiga yang bermaksud "Dan tidaklah aku menyembah apa yang kamu sembah" bermakna aku tidak beribadat dengan ibadat kamu iaitu tidak mengambil jalan itu dan mengikutinya, sebaliknya aku menyembah Allah SWT. berdasarkan cara yang disuruh dan direhdainya.

Manakala ayat empat yang bermaksud "Dan tidaklah kamu menyembah apa yang aku sembah" bermakna kamu tidak mengikut perintah-perintah Allah SWT. dan syariat-Nya dalam beribadat bahkan kamu telah mereka-reka sesuatu daripada diri kamu sendiri.

Realitinya sambutan Tahun Baru Cina dan Deepavali yang dilakukan oleh kebanyakan pemimpin masyarakat dan juga disertai pemimpin yang beragama Islam, masih di ruang lingkup yang dibenarkan oleh Islam. Ini kerana, ia bertujuan untuk menjaga dan memelihara hubungan masyarakat dan lebih kepada hidup dalam kontrak sosial yang diraikan tanpa menggadaikan prinsip agama.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-78 yang bersidang pada 12 Jun 2007 telah membincangkan Hukum Orang Islam Mengucapkan Tahniah Dan Ucapan Selamat Bersempena Perayaan Agama Bukan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Apa jua amalan atau perlakuan orang Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan perayaan orang bukan Islam sekiranya melibatkan akidah atau ikhtikad seperti mengiktiraf agama bukan Islam atau menganggap semua agama adalah sama, maka ia ditegah oleh Islam.
2. Walau bagaimanapun sekiranya amalan atau perlakuan tersebut hanya atas dasar kemasyarakatan atau hubungan sosial antara Islam dan bukan Islam untuk tujuan perpaduan, maka ia dibenarkan oleh Islam.
3. Memberi ucapan tahniah dan selamat atau mengirimkan ucapan melalui kad atau alat-alat telekomunikasi seperti e-mel atau sistem pesanan ringkas (sms) dan sebagainya kepada orang bukan Islam sempena dengan perayaan agama mereka adalah harus, dengan syarat ucapan itu tidak mengiktiraf, memuji atau memuliakan agama bukan Islam serta tidak menggunakan sebarang simbol atau lambang keagamaan mereka dalam kiriman ucapan tersebut.

Begini juga bagi mualaf yang masih mempunyai keluarga yang belum menganut agama Islam, mereka boleh saling berhubung dan menyambut perayaan bersama bagi menyemai kasih sayang. Namun perlu diingati, bahawa pewarisan harta mereka akan terhalang kerana berlainan akidah.

Maka, MAIS mengajak masyarakat khususnya bagi mualaf untuk merancang harta melalui wasiat atau hibah bersama MAIS untuk memberi kepada keluarga tersayang. Semoga asbab pemberian ini mereka diberi hidayah untuk kembali kepada agama Fitrah.

Edisi



ZAKAT KWSP AKAUN 3 (AKAUN FLEKSIBEL)



Oleh: Ustaz Haji Muhamad Rafee bin Rahman (rafee.rahman@zakatselangor.com.my)
Eksekutif Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)



Penstrukturkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Penstruktur semula akaun ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menyaksikan penambahan Akaun 3 atau Akaun Fleksibel untuk ahli berusia bawah 55 tahun bermula 11 Mei 2024.


Terdahulu KWSP mengumumkan inisiatif Penstruktur Semula Akaun KWSP dengan pengenalan Akaun Persaraan (Akaun 1), Akaun Sejahtera (Akaun 2) dan seterusnya yang terbaharu Akaun Fleksibel (Akaun 3).

Berikut merupakan perincian fungsi ketiga-tiga akaun tersebut:

- 1) **Akaun Persaraan:** Mengumpul simpanan sebagai pendapatan semasa persaraan
- 2) **Akaun Sejahtera:** Menangani keperluan kitaran hayat yang menyumbang kepada kesejahteraan semasa persaraan
- 3) **Akaun Fleksibel:** Menyediakan fleksibiliti untuk keperluan kewangan jangka pendek

Takyif Fiqhi1 (Hakikat dan Penyesuaian Hukum Fiqh) Tentang Simpanan KWSP

Simpanan KWSP Akaun 3 adalah berasal daripada pendapatan pekerja.
Pendapatan adalah harta yang wajib dizakat berdasarkan Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Tahun 2002
<https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-tentang-zakat-pendapatan/>




Kaedah Taksiran Zakat Akaun 3 KWSP

Simulasi 1: Amaun Akaun 3 Daripada Caruman Terkumpul Tahun Semasa



Simulasi 2: Amaun Akaun 3 Dari Caruman Tahun Semasa + Pindahan Dari Akaun Sejahtera



PENTINGNYA ADAB DI MEDIA SOSIAL



Oleh: Shahru Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan, MAIS

Tidak dinafikan bahawa kewujudan pelbagai bentuk media digital termasuk media sosial telah membawa manfaat dan kemudahan yang banyak kepada manusia.

Media sosial seperti Facebook, TikTok, Instagram, WhatsApp, Telegram, dan seumpamanya telah menjadi wadah penyebaran maklumat dan perhubungan yang penting dalam kehidupan sehari-hari kita.

Pada waktu yang sama, media sosial juga boleh menjadi medan bagi menggalakkan perbalahan, kebencian, fitnah dan juga keganasan. Tidak kurang juga ramai masyarakat hari ini terperangkap dalam budaya menghasut, memfitnah dan menyebarkan kebencian dalam penggunaan media sosial.

Selain itu, terdapat juga golongan yang mempersendakan hukum Allah. Sebagai contoh dengan mudah mengumumkan dia sudah murtad di khalayak ramai terutama dalam media sosial akibat daripada kesilapan diri sendiri. Ia berlaku dalam kalangan golongan yang merasakan mereka popular dalam masyarakat. Walaupun kelakuan mereka itu pelik dan bertentangan dengan tabiat manusia, tetapi mereka berasa bangga untuk memberitahu semua orang bahawa mereka telah keluar daripada Islam.

Imam al-Zarkasyi menyatakan bahawa: "Sesiapa yang berkata perkataan yang membawa kepada kufur secara sengaja tanpa niat untuk kufur maka beliau dikira murtad." (rujuk *al-Mansur fi al-Qawaid Fiqih Syafie*, jld. 2, m/s 112).

Pengguna media sosial juga wajar peka bahawa perbuatan mengongsikan aib orang lain juga adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan tidak beretika. Malah, jika perkara yang dikongsi itu mengandungi unsur-unsur dosa dan maksiat termasuklah penipuan, pembohongan dan lain-lain, maka ia juga sesuai yang tidak wajar dilakukan.

Maka di sini pentingnya kita menghayati panduan agama yang menganjurkan adab dan etika ketika berinteraksi sesama manusia termasuk di medan media sosial.

PENTINGNYA ADAB DAN ETIKA

Dalam hal ini, Islam telah memberikan prinsip-prinsip umum yang boleh diaplikasi sebagai adab khusus penggunaan media sosial.

Dalam bahagian akhir ayat 30, Surah al-Hajj, disebutkan supaya kita menjauhkan diri daripada perkataan yang dusta. Natijahnya di sini adalah dalam menggunakan media sosial, kita perlu memastikan bahawa hanya perkara yang benar sahaja disampaikan dan dikongsikan.

Dalam ayat 125, Surah al-Nahl pula, ditekankan keperluan adanya kebijaksanaan dalam penyampaian maklumat, dan ini perlu disekalikan dalam bentuk nasihat yang baik dan perbaasan yang berada berdasarkan fakta yang jelas dan tepat.

Surah al-Hujurat sarat dengan panduan yang amat relevan kepada pengguna media sosial. Ayat keenam memerintahkan supaya kita menyelidik dahulu berita yang diterima. Ayat 11 mengingatkan kita supaya tidak mencemuh, merendah-rendahkan, menyatakan keaiban dan memanggil-manggil dengan gelaran yang buruk ke atas pihak lain, manakala ayat 12 Surah al-Hujurat pula menekankan supaya kita tidak bersangka buruk, mengintip, mencari kesalahan orang lain dan mengumpat.



Kesemua panduan daripada al-Quran ini sebenarnya wajar diterapkan dalam sanubari setiap pengguna media sosial. Kita tidak wajar menyalahgunakan teknologi yang ada ini dengan menyebarkan perkara-perkara palsu, tidak sahih dan tidak tepat, apa lagi jika ia berupa fitnah dan membuka aib orang lain.

Hal ini penting supaya penggunaan media sosial dapat memberikan ganjaran pahala dan bukannya balasan dosa kepada kita.

KESIMPULAN

Setiap Muslim harus peka dan waspada dengan setiap tindakan dan pertuturnya. Bahasa, tutur kata dan sikap yang baik mencerminkan keperibadian dan akhlak seorang Muslim.

Kesilapan dan kelalaian dalam hal ini membawa padah yang buruk dan boleh menimbulkan fitnah. Peribahasa Melayu ada menyebut: Kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa; dan terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.

Mari kita hayati suruhan Allah SWT dalam Surah Al-Anfal ayat 25:

"Dan peliharalah diri kamu daripada (berlakunya) fitnah (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpakan orang-orang zalim antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpakan kamu ke semuanya). Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat seksanya."

Semoga penghayatan panduan agama yang dikongsikan dalam artikel ini dapat membantu kita menjadi lebih peka dan waspada dalam setiap tindakan dan tutur kita. Marilah kita terus maju sebagai satu masyarakat yang sentiasa dihiasi keindahan adab, moral, saling menghormati dan kasih sayang.

Masyarakat juga boleh merujuk soal jawab agama di laman web Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) di www.muftiselangor.gov.my bagi sesuatu isu atau permasalahan berkaitan dengan hukum agama mengikut syarak.

Teknologi komunikasi dan media sosial pada dasarnya sangat bermanfaat dan bertujuan mempermudahkan urusan manusia. Sekiranya ia digunakan dengan niat yang betul, maka ia akan membawa kepada manfaat dan kesejahteraan hidup.

Namun, sekiranya media sosial itu disalahgunakan, maka ia akan membawa kepada perkara yang sia-sia dan merugikan. **Edisi**



WANG TIDAK PATUH SYARIAH

Jom Beralih Ke Akaun Patuh Syariah.

Lupus Hasil Dividen Akaun Konvensional KWSP Anda

Adakah anda memiliki sebarang bentuk pendapatan atau perolehan hasil dari perbuatan atau transaksi yang bertentangan dengan HUKUM SYARAK?



Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 1/2009 yang menyatakan:I. Wang tidak patuh Syariah yang diperolehi boleh dijadikan sumber Baitulmal dan harus dimasukkan ke dalam akaun Baitulmal.ii. Penggunaan wang tidak patuh syariah harus untuk kegunaan operasi perjalanan kerja di MAIS dan kegunaan umum.MAIS menyeru kepada masyarakat Islam terutamanya di Negeri Selangor agar dapat melupuskan dividen konvensional dan bertukar ke akaun syariah bagi memastikan keberkatan dalam harta yang dimiliki.Lupus dan sucikan wang tidak patuh syariah di Baitulmal MAIS, sila layari pautan diberi untuk membuat transaksi secara atas talian:

<https://fpvx2.mais.gov.my/>

Info lanjut, sila layari:


<https://mais.gov.my/wang-tak-patuhsyariah>



Lupuskan Hasil Dividen **AKAUN KONVENSIONAL KWSP** Anda

AMAUN PENYUCIAN DIVIDEN adalah mengikut **KADAR TIDAK PATUH SYARIAH** yang diumumkan oleh pihak KWSP daripada **DIVIDEN SIMPANAN KONVENSIONAL** tahun terlibat bagi ahli KWSP beragama Islam yang masih belum membuat pertukaran ke Simpanan Shariah.

KADAR PENYUCIAN DIVIDEN KONVENSIONAL KWSP



Contoh Pengiraan:

- JUMLAH DIVIDEN SIMPANAN KONVENSIONAL 2023: RM1,000
- JUMLAH DIVIDEN YANG PERLU DISUCIKAN: RM1,000 x 66% = RM660

SUMBER INFO: KWSP

JOM BERALIH KE AKAUN PATUH SYARIAH

Lupuskan Di Baitulmal, MAIS
No. Akaun BIMB :
1203-8010-0956-76

Sebarang pertanyaan, sila hubungi: **Bahagian Dakwah & Pemasaran • 010-251 9556 / 03-5514 3772**



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgovmy

EDISI پہلی MAIS

www.mais.gov.my

VIRAL KINI:
PENTINGNYA
ADAB DI MEDIA
SOSIAL

Ms 18



UNIVERSITI ISLAM SELANGOR
SELANGOR ISLAMIC UNIVERSITY
DUGA3X

Kampus Tetap di
Bandar Seri Putra Kajang, Selangor

MOHON SEKARANG
IMBAS DI SINI



UIS Kemasukan Sepanjang Tahun

27 Program Tanpa Bahasa Arab SPM
35 Program Tanpa Matematik SPM

BIDANG PENGAJIAN

- | | |
|--|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> Syariah | <input checked="" type="checkbox"/> Pengurusan |
| <input checked="" type="checkbox"/> Pengajian Islam | <input checked="" type="checkbox"/> Perakaunan |
| <input checked="" type="checkbox"/> Kewangan Islam | <input checked="" type="checkbox"/> Komputeran |
| <input checked="" type="checkbox"/> Syariah dan Undang-Undang | <input checked="" type="checkbox"/> Multimedia Kreatif |
| <input checked="" type="checkbox"/> Pendidikan & Pendidikan (Tahfiz) | <input checked="" type="checkbox"/> Bahasa Dan Komunikasi |



www.uis.edu.my



03-8911 7072 / 73



uis



instauis



uisofficial



DENGAN RM10 PUN BOLEH

Mulakan zakat melalui ansuran bulanan dengan **Potongan Gaji** atau **Direct Debit**.

Imbas
untuk daftar Potongan Gaji
espg.zakatselangor.com.my/



Imbas
untuk daftar Direct Debit
infoqpay.my/go/lzs

TALIAN ZAKAT SELANGOR **1-300-88-4343**